

Jangan ragui keupayaan Kerajaan Kekayaan negara hak semua-PM

IPOH, Rabu — Sumber kekayaan yang terdapat di negara ini adalah untuk rakyat dan mereka janganlah hendaknya meragui keupayaan Kerajaan dalam mencapai hasrat yang dicita-citakan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed bagaimanapun berkata, pembahagian kekayaan itu akan dibuat secara adil dan saksama.

Berucap di hadapan kira-kira 20,000 orang rakyat berbagai keturunan setibanya di lapanganterbang di sini, beliau hycywerangkan mengenai pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru yang kini di peringkat pertengahan ke arah pencapaian sepenuhnya.

Beliau berkata, rakyat seharusnya bersyukur dengan kesenangan hidup yang sedang dihadapi di negara ini walaupun ekonomi dunia sedang menghadapi kemerosotan.

Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan, belanjawan tahun depan yang dibentangkan di Dewan Rakyat baru-baru ini ternyata istimewa dan tidak sekali-kali membebankan rakyat.

Perdana Menteri selanjutnya mengingatkan mereka supaya berusaha sungguh kerana setiap kekayaan itu tidak akan hanya datang secara menggolek.

Beliau begitu tertarik dengan semangat muhibah yang ditunjukkan oleh rakyat berbilang bangsa di negara ini dan berharap ia dapat dikekalkan semata-mata untuk mewujudkan suasana penuh kedamaian dan keharmonian.

Menteri Besar Perak mengetuai ketua-ketua jabatan, pemimpin-pemimpin politik, pemimpin masyarakat dan rakyat jelata untuk mengalu-alukan lawatan rasmi dua hari Perdana Menteri ke Perak. /

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia